

Arahan selepas pembedahan

- ◆ Gigit kapas dan tukar setiap 15 - 30 minit. Pendarahan biasanya berhenti selepas beberapa minit
- ◆ Jangan gigit bibir atau lidah semasa ianya masih kebas
- ◆ Jangan diganggu kawasan gigi yang sudah dicabut
- ◆ Berus gigi seperti biasa. Gigi yang berdekatan bolehlah diberus secara perlahan jika terasa sakit. Setelah selesai, ludahkan sahaja ubat gigi
- ◆ Jangan berkumur-kumur selama 24 jam
- ◆ Ubat kumuran boleh digunakan mulai keesokan harinya (½jam sebelum/selepas memberus gigi)
- ◆ Jangan merokok sehingga kawasan gigi yang sudah dicabut sembuh
- ◆ Elakkan meminum arak dan minuman dan makanan yang terlalu panas selama 24 jam selepas pembedahan
- ◆ Ambil makanan lembut untuk beberapa hari
- ◆ Jika berdarah semula, gigitkan kapas yang diberi selama 15 - 30 minit. Jika pendarahan masih berlaku, sila maklumkan jururawat yang bertugas atau pergi ke Jabatan Kemalangan dan Kecemasan (jika awda sudah keluar dari wad)

Arahan untuk diikuti semasa 24 jam selepas berbius:

- ◆ Elakkan menandatangani dokumen penting
- ◆ Elakkan daripada memandu, menggunakan mesin, bersukan atau melakukan aktiviti yang boleh membahayakan diri awda atau orang lain
- ◆ Awda mestilah ditemani oleh orang dewasa yang boleh membawa awda balik dan menjaga awda

Instructions after surgery:

- ◆ Bite on the gauze pack provided for up to 15 - 30 minutes before changing it. Bleeding normally stop within few minutes
- ◆ Do not bite your lip or tongue while it is still numb.
- ◆ Do not disturb the surgical site, e.g. with your tongue
- ◆ Brush your teeth as usual. Brush the adjacent teeth gently if still painful. Once done, just spit out the toothpaste
- ◆ Do not rinse your mouth for the first 24 hours
- ◆ Mouthwash can be used from the following day (half hour before/after toothbrushing)
- ◆ No smoking until the wound heals
- ◆ Avoid alcoholic drinks within the first 24 hours
- ◆ Avoid hot drinks and food for the first 24 hours
- ◆ Eat soft food and use opposite side to chew
- ◆ Take the prescribed medication as instructed
- ◆ In case it bleeds again, bite on the gauze pack provided for up to 15 - 30 minutes. If bleeding persist, inform the staff nurse on duty or go to Accident and Emergency Department at the nearest hospital (if you are already discharged from the ward)

Instructions to follow within 24 hours after GA:

- ◆ Avoid signing any important documents
- ◆ Avoid driving, operating machinery, sports or doing other activities that could endanger yourself or others
- ◆ There must be a responsible adult to escort you home and be able to take care of you

Unit Bedah Mulut
Jabatan Perkhidmatan Pergigian
Oral Surgery Unit
Department of Dental Services

RAWATAN BERBIUS BAGI PEMBEDAHAN GIGI BUNGSU BAWAH ATAU GIGI RAHANG KETIGA

SURGICAL REMOVAL OF WISDOM TOOTH UNDER GENERAL ANAESTHESIA (GA)



Jika awda rasa kurang sihat atau tidak dapat hadir pada waktu yang telah ditetapkan, sila hubungi talian:

2242424 ext. 5333 (RIPAS Hospital)
3335331 (Kuala Belait)

Terima kasih atas kerjasama awda.

Perjanjian:

- ◆ **1—2 minggu sebelum:** untuk ujian darah
- ◆ **Sebelum pembedahan:** perjumpaan di klinik gigi dan seterusnya dibawa ke wad bagi pemeriksaan pakar bius. Awda biasanya akan dibenarkan pulang
- ◆ **Di hari pembedahan:** menunggu di wad untuk giliran awda untuk rawatan

Awda dilarang menggunakan sebarang pewarna kuku atau memakai alat kemas seperti cincin semasa rawatan

Setelah rawatan selesai, awda akan dibawa ke wad semula untuk berehat
- ◆ **Petang:** pakar gigi / doktor gigi akan datang untuk memeriksa keadaan awda. Jika keadaan awda stabil, awda mungkin akan dibenarkan pulang

Appointments:

- ◆ **1-2 weeks before:** for blood test
- ◆ **Before surgery:** appointment at dental clinic, followed by an admission to the ward for anaesthetist assessment. You may be allowed home leave
- ◆ **The morning of surgery:** at the ward to wait for your turn for operation. It is important that you avoid using any nail polish or wear any jewellery during the treatment. Once your operation is finished, you will be sent back to the ward for a rest
- ◆ **After surgery:** Your dental specialist / dentist will review you. You will possibly be discharged on the same day depending on

Kaedah rawatan:

- ◆ Suntikan ubat pemanat akan diberikan di kawasan gigi yang akan dibedah agar ianya kebas(panat)
- ◆ Sebahagian gusi akan disisihkan untuk mendedahkan gigi yang akan dibuang / cabut
- ◆ Jika perlu, sedikit tulang akan dibuang dengan alat mesin “drill”
- ◆ Setelah gigi dikeluarkan, gusi akan dijahit semula
- ◆ Kapas akan diletakkan di atas kawasan gigi yang telah dikeluarkan untuk mengawal pendarahan
- ◆ Ubat-ubatan akan diberikan untuk mengurangkan rasa sakit dan bengkak
- ◆ Sijil cuti sakit akan diberikan jika perlu
- ◆ Perjanjian seterusnya akan diberikan untuk mengeluarkan benang(jahitan) selepas 5 - 7 hari, jika perlu

Procedures:

- ◆ Local anaesthetic will be injected to the surgical site
- ◆ A small cut on the gum will be made to expose the tooth
- ◆ A small amount of bone will be removed using a drill
- ◆ Once the tooth is removed, some stitches will be placed to close the wound
- ◆ A gauze pack will be placed to control the bleeding
- ◆ Medical Certificate will be issued if required
- ◆ Your next appointment will be in 5 - 7 days to remove the stitches, if required

Kesan-kesan sampingan selepas pembedahan:

- ◆ Awda akan merasa sakit setelah rasa kebas hilang.
- ◆ Kemungkinan akan terjadi sedikit bengkak di pipi. Gunakan pek ais pada pipi selepas pembedahan untuk mengurangkan bengkak
- ◆ Awda akan terasa susah membuka mulut. Ianya akan pulih dalam beberapa hari
- ◆ Warna hijau / kebiru-biruan pada kulit awda jika terjadi akan hilang dalam masa 1 - 2 minggu
- ◆ Kecederaan pada saraf semasa pembedahan boleh menyebabkan rasa sakit atau kebas pada bibir, dagu, gusi atau lidah. Jika terjadi, biasanya hanyalah untuk sementara. Ianya boleh juga kekal, tetapi risikonya amat rendah
- ◆ Kesan bius: Rasa sakit pada kerongkong semasa menelan, rasa pening, mual atau muntah
- ◆ Risiko berbius: Kesan sampingan yang bahaya tetapi kejarangan berlaku, seperti masalah atau kerosakan pada jantung dan otak atau kematian

Effects after surgery:

- ◆ Pain will be felt once the anaesthetic wears off
- ◆ There will be slight swelling of your cheek and inside your mouth. It can be relieved by using ice packs, starting shortly after surgery
- ◆ You may have difficulty opening your mouth. This will normally last for a few days
- ◆ Bruising if present will resolve in 1-2 weeks
- ◆ Nerve injury during surgery may cause pain, numbness or altered sensation of lip, chin, gum or tongue. It is generally temporary, but can also be permanent. However, the risk is low
- ◆ Effects of GA: Sore throat, drowsiness, vomiting and nausea
- ◆ Serious complications of GA are low, including heart attack, stroke, brain damage and death